

**NO. SOALAN: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8972**

**SOALAN:**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan berapakah kes tangkapan dadah yang  
ditangkap melibatkan anggota polis kerana membekalkan dadah di  
dalam lokap sejak tahun 2000 hingga 2015.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai agensi penguat kuasa yang utama dalam menjaga keselamatan negara amat memandang serius terhadap isu salah laku warga polis. Prinsip “*zero toleration*” diambil terutamanya terhadap mana-mana pegawai dan anggota polis yang didapati melakukan kesalahan jenayah termasuk membekalkan dadah dalam lokap. Ini adalah bagi memastikan integriti pasukan polis sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat dan sentiasa digeruni oleh penjenayah.**

**Hasil semakan yang dibuat tiada anggota polis yang ditangkap atas kesalahan mengedarkan dadah dalam lokap polis mulai tahun 2000 sehingga 2015. Tangkapan anggota polis atas kesalahan pengedaran dan penagihan dadah dibuat di luar daripada lokap polis.**